

UPM anjur kem untuk siswa OKU

Serdang: Siswa dalam kalangan orang kurang kelainan upaya (OKU) akan terus dibantu bagi memastikan mereka sentiasa cemerlang akademik dan kemahiran insaniah.

Hal ini menjadi antara tujuan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila menganjurkan Kem Pembangunan dan Pemantapan Kepimpinan Pelajar untuk 30 pelajar OKU, baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah UPM, Dr Noraishah Mydin Abdul Aziz, berkata kem itu menyediakan pelbagai modul bersifat kepimpinan dan pembangunan diri daripada barisan pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM.

Katanya usaha itu juga bagi menyahut seruan kerajaan dalam memperkasakan Kampus

Inklusif OKU.

“Justeru, ia wajar dipergiatkan oleh semua universiti dalam negara bagi mempersiapkan pelajar OKU dengan ilmu dan bakat memimpin negara,” katanya dalam kenyataan media.

Menurutnya, kem yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM itu berupaya membina sifat keyakinan dan bertanggungjawab pelajar OKU di universiti untuk cemerlang dalam akademik dan kemahiran insaniah.

Sementara itu Presiden Persatuan Mahasiswa OKU UPM, Pang Khong You, berkata modul yang diajar memberikan nilai tambah pembelajaran selain nilai insan yang membentuk keyakinan diri pelajar OKU.



Antara siswa UPM yang menghadiri Kem Pembangunan dan Pemantapan Kepimpinan Pelajar.